

Pendekatan Keratabahasa Dalam Pengajaran Bahasa Asing

Jyh Wee Sew

(clssjw@nus.edu.sg)

National University of Singapore, Singapore

Abstrak

Perbincangan kaedah pengajaran keratabahasa yang terkandung dalam sebuah novel Melayu ini bermula dengan suatu sorotan ringkas ke atas kepentingan bacaan lantang sebagai tatacara penghayatan karya kreatif. Sepuluh perkataan keratabahasa dikemukakan sebagai contoh stilistik kreatif Melayu dalam tiga muka surat bahan bercetak. Seterusnya, data aneka bahasa sebagai pendekatan pengajaran bahasa Melayu asing digunakan bagi memperkembang matriks penaakulan eka-bahasa ke arah pemahaman multilingual. Perbandingan data Melayu-Cina-Inggeris-Jepun dalam pedagogi bahasa asing sebenarnya mewujudkan suatu skema multilingual yang jelas bagi menerangkan konsep keratabahasa sebagai leksikon sejagat. Pada pertengahan pengajaran topik bahasa Melayu ini, sebuah video yang menunjukkan bahawa dua orang pelajar asing sedang mengimbas kembali makna keratabahasa Jepun dipaparkan sebagai perkembangan kreatif dalam pengajaran bahasa Melayu aneka penataran. Penindasan kaedah pengajaran keratabahasa Melayu dengan usaha mengenali keratabahasa Jepun menawarkan skema peneguhan secara bertokok tentang pengetahuan antara bahasa yang berfaedah, terutamanya untuk membolehkan pelajar bahasa Melayu yang teruja dengan leksikon keratabahasa menyedari bahawa memang terdapat kesinambungan keratabahasa antara bahasa Melayu dengan contoh bahasa Jepun. Seperka itu, tontonan pembelajaran yang serupa juga dapat menangani kesan kejemuhan dalam teknik tunjukkan-sebut dalam kelas. Pembelajaran bahasa Melayu boleh diperteguhi selanjutnya dengan memperkenalkan kemalaran bunyi bahasa ibunda sebagai tumpuan pemahaman yang bersifat ekolinguistik. Pendek kata, perbandingan data merentas bahasa, penyetaraan pengalaman pendidikan dengan rakan sebaya semasa mereka berusaha untuk memahami topik yang serupa, dan penggunaan bentuk digital yang bersifat lazim, memang dapat menghasilkan kaedah aneka penataran yang produktif dalam pengajaran keratabahasa bahasa Melayu pada peringkat universiti.

1 Pengenalan

Kajian rentetan bunyi yang bersinambungan dengan makna secara terikat diikenali sebagai kajian ikonik. Kajian ini mencabar pandangan linguistik struktural Saussure (1983) bahawa makna dan lambang bahasa terbentuk secara wewenang. Keterangan tentang keratabahasa diperkenalkan sebagai operan pemahaman bunyi berskema ikonik sudah tersedia ada dalam fahaman Melayu. Dalam *Kamus Dewan* (edisi keempat), keratabahasa didefinisikan sebagai *penjelasan (penerangan) erti perkataan dgn berdasarkan tafsiran atau huraian tentang bunyi atau suku kata yg terdapat pd perkataan itu* (2007, hlm. 755). Kajian sebegini berkaitan rapat dengan konsep *phonestheme* dalam kajian Householder (1946) yang berlandaskan istilah *phonaestheme* dalam buku Firth (1970). Urutan bunyi yang bersinambungan dengan sesuatu makna secara malar pada peringkat suku kata diperjelas dengan konsep *phonaesthetic series* dalam pemerhatian Mick Short (1996).

Seiringan dengan konsep keratabahasa, Chapman (1984, hlm. 218) telah mendapati bunyi /sl/ memperlihatkan makna negatif dalam bahasa English: slow, slippery, slimy, sleep, sloth, dan slide. Meneruskan fahaman konsep kemalaran makna dalam urutan bunyi suku kata yang sama, Burridge (2004) mendapati terdapat makna hentakan yang kuat dalam perkataan Inggeris yang serima dengan /ump/. Dakwaan ini tersurat dalam perkataan *bump, dump, jump, lump, slump, thump*; manakala makna gerakan cepat boleh dikesan dalam perkataan Inggeris yang bermula dengan urutan konsonan /sw/ seperti *swagger, swap, swarm, swat, sway, sweep, dan swing*.

Dewasa ini, kepentingan proses pendengaran melalui bacaan lantang bahan kesusasteraan semakin terabai memandangkan kehidupan masyarakat moden yang bersebat dengan budaya skrin digital seperti permainan video. Kanak-kanak didapati tidak suka membaca bahan bertulis bahasa ibunda sendiri kerana keasyikan dengan paparan kartun Inggeris secara digital. Keterangan tentang budaya digital sebagai gaya hidup mutakhir pada kurun ke-21 sering kali menimbulkan masalah kemanusiaan, baik di dalam dunia fana mahupun di alam maya (Sew, 2010, 2017a). Secara perbandingannya, penghargaan bagi bacaan lantang amat berbeza pada zaman dahulu. Menurut para pengkaji kesusasteraan Inggeris seperti Chapman (1984) dan Ho (2007), karya-karya bahasa Inggeris Charles Dickens, William Shakespeare dan Sir Walter Scott sering kali digunakan sebagai bahan bacaan lantang, terutamanya dalam perbincangan keluarga Inggeris pada zaman Victoria. Proses menikmati hasil persuratan melalui proses pembacaan lantang di negara England sebenarnya menjurus pada kesimpulan bahawa bacaan lantang merupakan satu bentuk penghayatan khazanah persuratan sesuatu bangsa.

Dari sudut budaya tradisi lisan, terdapat persamaan yang jelas di antara tradisi lisan Melayu dengan tradisi bacaan lantang pada zaman Victoria di antara 1837 dengan 1901 memandangkan masyarakat Inggeris dan masyarakat Melayu memperdengar kisah sastera sebagai satu budaya hiburan pada masa lapang (Muhammad, 2006; Noriah, 2010; Roslina, 2013). Walaupun, terdapat perbezaan genre sastera yang digunakan di dalam komuniti masing-masing, memang tidak dapat dinafikan bahawa pendengaran bacaan dan sebutan perkataan merupakan sebahagian daripada ekologi sosiolinguistik setempat. Di samping masyarakat Melayu dan Inggeris, komuniti Cina di Singapura begitu gemar dengar cerita lisan, sama ada dalam bahasa Kantonis mahupun bahasa Hokkien (kini dianggap dialek) melalui siaran radio *Redifusion* sejak 1949 (Liew & Chan, 2013). Sejajar dengan keunikan bacaan lantang bahan tulisan, kepentingan kajian penggunaan unsur bunyi dalam leksikon bahasa sesebuah karya sastera ada perkaitan yang rapat dengan pengajaran bahasa asing. Salah satu unsur penting dalam pembacaan lantang ialah kecerdasan nilai bunyi. Keupayaan menghayati hubungan bunyi bersinambungan dengan makna secara malar boleh dianggap suatu pengetahuan dasar dalam budaya berbahasa sesebuah masyarakat. Golongan pengkaji sastera dan bahasa yang peka dengan bunyi bahasa Melayu ini diwakili oleh pengkaji ekolinguistik Melayu. Konsep ekolinguistik menjadi tapak pemahaman bahawa kandungan bahasa masyarakat tertentu adalah sempurna bagi pernyataan nilai hidup dan pandangan dunia tertentu yang sebat dengan kehidupan mereka (Wright, 2016).

Perbincangan ini berpegang pada pandangan bahawa ekolinguistik berkaitan rapat dengan skema imej ikonik yang tersulam dalam wacana ritualistik komuniti bahasa (Malcolm, 2007). Usaha kajian bunyi, sebagai misalannya, pernah dikenal pasti dalam beberapa genre seperti pantun Melayu (Muhammad, 1991), rentetan bunyi sajak (Wan Akmal, 2005), kata ganda bahasa Melayu (Tham, 1977), kosa kata bahasa Melayu dalam korpus (Asmah, 1975; Zaidi, 2008); dan sintaksis bahasa Melayu pada peringkat sintakmatik dan paradigmatic (Sew, 1996). Sekiranya bacaan lantang ialah proses pendengaran teks Melayu, pendapat ini menggamit pandangan bahawa pemilihan perkataan yang merdu berupaya meningkatkan kualiti bacaan lantang dalam persembahan wacana lisan (Muhammad, 2006). Sekurang-kurangnya, rentetan bunyi bahasa yang mempengaruhi kelunakan nada suara bacaan teks bermain peranan utama dalam interaksi bersemuka. Perbincangan selanjutnya akan meninjau rentetan bunyi yang bersekema ikonik dalam novel Melayu dalam bahan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

2 Sorotan kajian

Dari sudut interaksi, terdapat kemalaran makna dengan nama orang sehingga nama tertentu mendukung stereotaip dalam komunikasi verbal. Persepsi negatif pendengar yang terbentuk daripada nama sendiri secara malar dinyatakan dalam kajian mutakhir Aldrin (2017). Kajian ini mendapati rujukan skema ikonik terbentuk dalam persepsi seseorang sehingga wujud prasangka terhadap nama sendiri tertentu. Stereotaip nama bahasa Melayu yang diikat dengan budaya dan kelakuan tertentu ialah *Minah* dan *Mamat*. Panggilan *Minah Kilang* dan *Mat Rempit* menjadi setereotaip budaya bahasa, sama ada pada masa dahulu ataupun dewasa ini. Kesan kemalaran fonetik juga mempengaruhi tanggapan seseorang dalam konteks interaksi seharian mutakhir ini. Fahaman yang negatif terus terbit daripada nama sendiri Hokkien dalam kalangan penutur bahasa Inggeris tempatan apabila nama *Ah Beng* [亚明] dan *Ah Seng* [亚成] bagi lelaki Cina-Hokkien disebut (Sew, 2016). Berdasarkan pengalaman daripada alam sekolah, remaja Cina Singapura yang kurang berminat untuk belajar atau sering terlibat dalam pergaduhan digelar *Ah Beng* dan *Ah Seng*. Prasangka seperti ini menunjukkan terdapat perikatan bunyi dengan makna tertentu dalam budaya bahasa masyarakat tempatan.

Dalam kajian lain, Ho (2007) telah melaporkan bahawa Charles Dickens sengaja memilih perkataan dan ungkapan yang sesuai diperdengarkan bagi bacaan lantang. Dickens memperlihatkan kepengarangan yang mahir untuk menimbulkan kesan bisikan melalui penggunaan vokal dan konsonan bagi menghasilkan bunyi lemah. Dickens juga memilih perkataan yang menghasilkan imejan ghaib bagi menepati tujuan interaktif perbisikan. Dalam novel, *Bleak House*, Dickens menggunakan pengulangan konsonan frikatif untuk mengajuk bunyi bisikan lantas menimbulkan perlambangan kesan ghaib. Konsonan-konsonan frikatif menimbulkan kesan kinaesthesia yang menyerupai suara orang sedang berbisik-bisikan kerana mereka tidak ingin didengar secara jelas (Ho, 2007). Dalam novel *Dombey and Son* pula, Dickens menggunakan perkataan keratabahasa: *A crazy weathercock ... creaked ... the throb of motor...sounded like pulse irregularly drumming through ... some saussages were hissing and bubbling in a most musical manner* (Chapman, 1984, hlm. 151-152; penekanan dibubuh pada data).

Pada tahap komunikasi media, laporan tentang bahasa iklan yang menunjukkan konsonansi, asonansi dan rima dalam kajian Asmah haji Omar (2010) merupakan satu kajian pragmatiks yang berpandukan prinsip keratabahasa. Perlu dinyatakan bahawa kajian asonansi, konsonansi serta rentetan suku kata dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu, baik pada peringkat rima mahupun dalam rentetan irama, pernah diusahakan oleh Tham (1979). Pertautan antara bunyi dan makna secara bersinambungan dalam kosa kata bahasa Melayu juga merangkumi analisis warna panas dan warna sejuk (Sew, 1997), nilai simbolik vokal /i/ (Sew, 2001), dan janaan leksikon bersumberkan suku kata tertentu sebagai makna umbi (Sew, 1998). Perkataan di dalam Jadual 1 memperjelas lagi konsep keratabahasa vokal [+ tinggi] melambangkan makna kecil dan lemah, kontrastif minimal antara vokal /i/ dengan vokal /a/.

Dari sudut ekolinguistik universal, vokal depan tinggi /i/ didapati berkesinambungan semantik secara malar dengan rujukan *lemah*, *kecil*, dan *kurang*. Kajian keratabahasa sebegini telah diusahakan sejak 90 tahun dahulu oleh Sapir (1929) dan tetap mendapat perhatian dalam kajian nahu dan gaya bahasa (Aikhenvald, 2015). Persuratan bahasa Melayu berupaya menghayati makna berdasarkan kemalaran bunyi dalam kajian morfologi, stilistik dan pendidikan bahasa mutakhir. Dakwaan ini terbukti dengan keratabahasa Melayu yang dikenalpastikan oleh sarjana termasuk kajian Maxwell (1933), Collins (1986) dan McCune bagi bahasa Indonesia (1985). Seperkara itu, kajian keratabahasa sebagai sistem rangkaian makna dalam kosa kata Melayu yang berkewibawa muncul dengan penerbitan Wilkinson (1936) sebagai guru pelopor keratabahasa bahasa Melayu.

Jadual 1. Perbandingan kontrasif vokal /i/ dengan vokal /a/ dalam keratabahasa

Makna simbolik kecil, lemah, atau kurang	Makna simbolik besar, kuat atau lebih
angkít	angkat
bendaharí	bendahara
bibí	baba
bintít	bintat
bukít	bukau
debík	debak
dengíng	dengkang
dentíng	dentang
detík	detak
gemerencíng	gemerencang
gemeserík	gemesesak
gemeretík	gemeretak
gentís	gentas
gerí	gerak
gígíl	gogoh
jungkit	jungkat
lekit	lekat
pancíť	pancut
síní	sana
takík	takuk
terdekih-dekih	terdekah-dekah
ungkit	ungkat

3 Permasalahan kajian

Titik tolak perbincangan ini terbentuk dengan hakikat bahawa kekurangan perhatian daripada para sarjana terhadap peri penting keratabahasa dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa asing. Sekiranya kesinambungan antara bunyi dan suku kata Melayu mencetuskan makna rujukan yang mencerminkan gaya pemikiran Melayu, hukumnya, fenomena ini akan terserlah dalam karya kreatif penulis Melayu. Natijah itu, adalah wajar bahawa frasa dalam karya Melayu yang menyetarakan bunyi dengan makna rujukan diketengahkan sebagai pokok perbincangan dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pendek kata, wacana yang memperlihatkan kesinambungan antara bunyi ajukan dengan rujukan makna memantulkan cetusan minda pengarang Melayu sepatutnya dapat diperhatikan di dalam alam naratif. Sebagai komunikasi simbolik, kesinambungan ikonik mungkin berbentuk pengulangan vokal atau suku kata, seturut dengan matriks semantik keratabahasa yang berkeupayaan menjalinkan makna (Meinard, 2015) dalam teks. Kajian keratabahasa leksikografi Melayu pernah dilaporkan (Sew, 2007), tetapi fokus pada kali ini ialah keratabahasa sebagai teknik kepengarangan dalam stilistik novel yang kenal pasti menerusi pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Keratabahasa sebagai gaya penyampaian sewajarnya membawa mesej retorik dan evokatif sebagai gaya stilistik yang indah. Kepekaan dalam kepengarangan Melayu terhadap bunyi persekitaran alam secara semula jadi dapat mewujudkan untaian diagramatik simbolik yang sejajar dengan rentetan bunyi (Jakobson & Waugh, 1987; Waugh & Newfield, 1995). Penelitian keratabahasa sebagai topik pengajaran bahasa asing yang mampu menghuraikan nilai keindahan puitis di dalam plot karya kreatif akan memperkenalkan nilai estetika Melayu kepada pelajar bahasa asing.

Usaha memperkenalkan stilistik yang berbentuk keratabahasa ke pelajaran bahasa asing adalah penting demi memartabatkan nilai bunyi dan suku kata sebagai modal kreatif Melayu moden semasa pelestarian makna berlaku. Menurut Rowsell, bunyi menyampaikan pengalaman somatik untuk menjelmakan rujukan budaya yang sebenar. Kualiti bunyi yang bersifat sinestetik mengandungi sejarah, perasaan dan warna yang dapat dilestarikan dengan intonasi, kecepatan, ketebaran dan nada sesuatu bunyi (Rowsell, 2013, hlm. 32). Dalam pengajaran bahasa asing pula, para pembaca diingatkan bahawa *the role of sound symbolism in language learning will gain ecological validity by*

taking into account the forms and functions of sound symbolism in natural languages (Dingemanse et al., 2016, hlm. e130).

Rencana ini memperkenalkan kaedah pengajaran keratabahasa dalam pendidikan bahasa asing bagi membolehkan pemahaman morfologi dan stilistik Melayu yang unik dalam nahu bahasa Melayu. Secara langsung, kita akan menggalurkan keterampilan mengajar ayat-ayat bahasa Melayu terpilih dalam karya kreatif pengarang Melayu Singapura. Sememangnya, ahli bahasa dan para perancang bahasa asing perlu peka dengan penggunaan keratabahasa dalam karya kreatif. Kaedah ini dianggap sebagai satu teknik semiotik persembahan wacana yang menggariskan kesinambungan di antara realiti yang rencam dengan fahaman kreatif dalam seni kepengarangan Melayu (Sew, 2015a). Berbeza dengan fahaman tentang kreativiti dunia Barat, kreativiti dunia Melayu akur dengan nilai ketimuran yang bersifat demotik. Kreativiti dunia timur ini mengutamakan penyatuan idea baru dengan rujukan asal yang serasi dengan konsep *re-visioning* dan *re-memembering* (Carter, 2004). Keupayaan kurikulum bahasa Melayu asing untuk menawarkan keterampilan celik keratabahasa ke dalam pengajaran bahasa akan meningkatkan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa yang memiliki sistem rujukan canggih menerusi tata makna yang terbentuk secara estetika.

4 Novel dalam pengajaran Bahasa Melayu

Data yang digunakan ialah novel *Satu Bumi* karya Isa Kamari (1998). Pengarang novel ini penerima anugerah *S.E.A. Write Award* di Bangkok pada 2006. Beliau juga diangkat sebagai penyajak Singapura yang mampu meninggalkan kesan dalam dunia sajak Singapura pada tahun 80-an (Hadijah, 2013). Seperkara itu, novel *Satu Bumi* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin sebagai *Yi Pien Re Tu* (Isa, 1999), dan judul Inggeris bagi novel ini, *One Earth* telah diterjemahkan oleh Sukmawati Sirat (Isa, 2008). Penelitian stilistik keratabahasa perbincangan ini adalah terhad di antara halaman 112 dengan halaman 114, *Bab 14* di dalam novel tersebut.

Data keratabahasa Melayu dalam analisis perbincangan ini terbahagi ke dalam tiga jenis cerakinan, iaitu keratabahasa bunyi ajukan, keratabahasa konvensional, dan keratabahasa gerakan. Keratabahasa ajukan ialah perkataan yang terhasil berdasarkan ajukan bunyi binatang, jentera dan mesin. Kumpulan perkataan ini mirip kekata *giseigo* dalam perbendaharaan kata bahasa Jepun (Matisoff, 1994). Bunyi ajukan binatang seperti *embek*, *gonggong*, *kokok*, *kuap*, *ngiau* dan lain-lain merupakan contoh keratabahasa ajukan (“Malay Oxford Living Dictionaries”, 2017).

Jadual 2. Keratabahasa bunyi ajukan merentas bahasa

Bahasa Melayu	Bahasa Mandarin	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
kokok	wowo [喔喔]	cocka doodle doo	kokekotko
tenguh	mou [响]	moo	mō mō
Ngaum	hōu [吼]	roar	hoeru

Jadual 2 akan memudahkan kerja guru bahasa asing semasa menerangkan keratabahasa ajukan kerana contoh daripada bahasa Cina, Inggeris dan Jepun diutarakan sebagai modal tampungan bagi kaedah pengajaran. Dalam konteks pedagogi bahasa, pelajar bahasa asing merupakan golongan yang memiliki bahasa ibunda yang lengkap dengan pengetahuan yang tersedia ada. Sememangnya minda bahasa dan rangka pengalaman mereka bukan tin kosong. Oleh sebab itu, amat berguna bagi guru bahasa asing menggunakan sumber keratabahasa daripada bahasa lain, terutamanya contoh-contoh yang dapat difahami oleh para pelajar, untuk mempermudah pemahaman pengajaran bahasa Melayu.

Seterusnya, keratabahasa konvensional ialah perkataan yang asalnya bersifat keratabahasa ajukan kini telah menjadi kosa kata yang diterima baik sebagai leksikon sesuatu bahasa (Bolinger & Sears, 1981; Wennerstrom, 2001). Contoh kumpulan keratabahasa konvensional bahasa Melayu termasuk perkataan seperti *bingar*, *bising*, *gigau*, *lolong*, *nyanyi*, *nyanyuk* dan sebagainya. Bagi pelajar asing yang terhad kefasihan bahasa Melayu, mereka mungkin masih kabur dengan asal usul perkataan jenis ini. Oleh sebab itu, contoh bahasa Inggeris perlu dikesyorkan sebagai perbandingan.

Contoh keratabahasa Inggeris konvensional yang sering kali digunakan di dalam kelas bahasa penulis ialah *bang, bomb, coarse, crash, hooha, hoarse, splash, thump* dan lain-lain. Jadual 3 memaparkan perbandingan aneka bahasa sebagai input bagi kaedah pengajaran keratabahasa konvensional.

Jadual 3. Perkataan keratabahasa konvensional aneka bahasa

Bahasa Melayu	Bahasa Kantonis	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
ketuk	kok 推	knock	nokku
ledak	zaa 炸	blast	bakuhatsu
huru-hara	wan lyun 混亂 ²	chaos	konton
klik	tim kek 点击	click	kurikku ³

Bagi guru bahasa asing yang berminat untuk mendapatkan bantuan keterangan Bahasa Kantonis, terdapat laman digital berjudul *Learn Cantonese!* (2013). Seperkara itu, keratabahasa konvensional ada kaitan dengan bunyi konsonan tertentu dalam luahan perasaan. Sebagai contoh, kajian Wierzbicka (1991, hlm. 315–316) yang meneliti bunyi frikatif /f/ sebagai lambang makna jelik merentas bahasa sebagaimana perkataan *feu* (bahasa Greek), *pfui* (bahasa Jerman), *phew* dan *pooh* (Bahasa Inggeris). Berdasarkan data keratabahasa dalam kajian Wierzbicka, segmen /f/ dapat menghasilkan kesan somatik konvensional yang bersifat negatif dalam bahasa-bahasa tertentu (sila lihat Rowsell, 2013).

Keratabahasa pergerakan merangkumi perlambangan linguistik ke atas makna pergerakan berlandaskan kemiripan bunyi diagramatik sesuatu gerakan yang ingin dijadikan rujukan (sila lihat Bouissac, 1995; Rhodes, 1994). Selain daripada itu, Tannen (1989, hlm. 126–128) telah menunjukkan bahawa keratabahasa pergerakan seperti /bam/, /gan/, /dak/, /duk/, /plaf/, dan sebagainya merupakan unsur rujukan penting dalam komunikasi tentang deraan lelaki ke atas perempuan Greek. Kajian Tannen memaparkan keratabahasa dalam naratif Greek sebagai data yang dapat mengarahkan pendengar untuk mengilhamkan semula aksi yang terkandung di sebalik bunyi yang tersurat dalam sesuatu perkataan terpilih. Perbincangan ini menggunakan istilah mimesis bagi perkataan keratabahasa yang berupaya menerangkan sesuatu pergerakan (Usuki & Akita, 2015). Kumpulan perkataan bersifat mimesis juga dikenali sebagai *gitaigo* dalam bahasa Jepun (Ono, 1992). Contoh kumpulan perkataan ini termasuk *pusu-pusu*, *bertalu-talu*, *teresak-esak*, dan sebagainya. Data mimesis di dalam Jadual 4 tidak harus dianggap sebagai makna setara tetapi data ini boleh digunakan sebagai rujukan silang aneka bahasa bagi rangsangan pengajaran bahasa asing, khususnya untuk menerangkan konsep pergerakan yang wujud merentas budaya bahasa.

Jadual 4. Perkataan keratabahasa mimesis merentas bahasa

Bahasa Melayu	Bahasa Hokkien	Bahasa Inggeris	Bahasa Jepun
dekah-dekah	chiou hai hai	grining ear to ear	niko-niko ⁴
engsot-engsot	ban ban sor	edging	notari-notari
kepul-kepul	hun bong bong	smoggy, smoky	moku-moku

Sebagai penjelasan tambahan, makna kamus bagi perkataan *niko-niko* ialah *tersenyum-senyum* (Nomoto & Kitai, 2016). Padanan *dekah-dekah* dalam Jadual 4 perlu dianggap sebagai contoh keratabahasa yang seiras dan bukannya seerti dengan *niko-niko*. Demi tujuan pedagogi, guru bahasa asing perlu rajin menggunakan perbandingan pelbagai data seperti dalam Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4. Sumber digital seperti *Globse* (2015) boleh digunakan bagi mencari padanan keratabahasa bahasa asing dalam bahasa Cina dan bahasa Jepun. Ini disebabkan pelajar asing perlu memiliki identiti pemahaman kod bahasa asing yang dipelajari dengan berkesan.

Pada masa yang sama, pakar pedagogi telah mengingatkan para guru bahasa asing bahawa *learners must construct a potential identity for the incoming code in his or her repertoire, if they want to be successful L2 learners* (Zhou, 2012, hlm. 266-267). Keterangan ini menjadi semakin jelas sekiranya ragam perbezaan frasa *the stone falls* dijadikan titik identifikasi dalam bahasa Inggeris, Russia, German, Perancis dan Kwakiutl yang menggunakan perspektif yang berlainan tentang batu yang terjatuh (sila lihat Burridge, 2005). Oleh itu, perbandingan data keratabahasa berguna bagi membolehkan seseorang pelajar bahasa asing menerima kemalaran fonetik bahasa Melayu sebagai sistem makna yang seiras dengan sistem rujukan yang ada dalam bahasa pertamanya.

Setakat ini, fahaman tentang keratabahasa Melayu telah dipermudah bagi merangkumi pecahan ajukan, konvensional dan mimesis. Data bagi ketiga-tiga jenis cerakinan keratabahasa yang terpilih daripada novel *Satu Bumi* terkandung di dalam Jadual 5 seperti berikut.

Jadual 5. Data keratabahasa dalam novel *Satu Bumi*

Keratabahasa ajukan	
1.	Raleigh hijau tua berkreyot didera kepantasan...(hlm. 112)
2.	Berkerincing rantai jiwanya memalu dinding keperibadian. (hlm. 113)
Keratabahasa konvensional	
3.	Semakin cepat Aminah berkayuh, semakin nyaring suara gagak itu memburunya. (hlm. 112)
4.	...seperti dia merantai kecamuk yang melanda jiwanya. (hlm. 113)
5.	Tiba-tiba perasaan cemas yang terantai sejak tadi meledak sebagai kemarahan yang melegak. (hlm. 113)
6.	Suaranya yang garau menerpa pendengaran. (hlm. 113)
7.	Ada sekujur tubuh kecil sedang nyenyak tidur diselimuti ketenangan. (hlm 113)
8.	Ilham masih ternangis tersedu-sedu. (hlm. 114)
Keratabahasa mimesis	
9.	Dia bergegas ke dalam rumah. (hlm. 113)
10.	Dia berengsot-engsot dengan tongkat ke arah pintu. (hlm. 113)

Pada peringkat ini keratabahasa dalam naratif *Satu Bumi* berfungsi sebagai kaedah rujukan yang menggunakan teknik huraian ekolinguistik dalam sesuatu bahasa. Pendekatan ini menepati prinsip *patut* dan *sempurna* dalam gaya bahasa sesuatu karya sastera sebagaimana yang digalurkan oleh Muhammad Haji Salleh (2006). Huraian ini boleh dimanfaatkan ke dalam analisis keratabahasa novel yang mempergunakan persembahan susunan bunyi, dan maksud secara sempurna. Fenomenon keratabahasa diperjelas lagi dalam kajian Wan Akmal (2005) dengan istilah *onomatope* iaitu unsur yang dapat menimbulkan kesan jelas sehingga menjelmakan perasaan atau suasana tertentu. Dari sudut rujukan makna, keratabahasa Melayu merupakan teknologi stilistik dalam persuratan Melayu moden dan klasik. Keupayaan keratabahasa menyatakan sesuatu menerusi kepekaan deria pendengaran yang melewati kekangan perkataan sebagai unit dasar amat berguna dalam semiotik persembahan sesuatu wacana. Dalam konteks pedagogi bahasa asing, penggunaan keratabahasa sebagai unit pelajaran semiotik tentang rekod realiti di alam nyata mampu menghidupkan pemahaman yang realistik dalam diri pelajar.

5 Keratabahasa dalam kelas bahasa asing

Ayat-ayat di dalam Jadual 5 ialah ayat bahasa Melayu asli yang digunakan dalam novel *Satu Bumi* untuk menerangkan kegelisahan seorang ibu yang sangka anaknya telah diculik. Keupayaan Isa Kamari meningkatkan ketegangan emosi pembaca bergantung pada beberapa ciri stilistik. Dari sudut nahu, penggunaan kata nama, kata kerja dan kata sendi dijelaskan menurut tatabahasa Melayu yang baku (Nik Safiah et al., 2014). Di samping itu, adalah jelas bahawa bahasa Melayu yang baku hanya menyampaikan unsur rujukan tampak secara lahiriah pada peringkat denotatif. Pada peringkat rujukan puitis yang bersifat emotif dan evokatif dalam bahasa Melayu memerlukan keupayaan

pelajar serta pembaca memahami tatacara pengarang mempermainkan kepekaan kognitif yang seturut dengan nilai budi bicara kemelayuan (Asmah, 2005; Sew, 2015a; Tham, 1990).

Kemalaran nilai bunyi telah diterapkan dengan bijak ke dalam naratif novel *Satu Bumi* sebagai perisian yang puitis. Semiotik persembahan wacana sebagai nilai perlambangan berbentuk sintaktatik dan paradiktatik mengusap kepekaan nilai budaya bahasa para pembaca yang tersirat melalui permainan bunyi dan suku kata. Kaedah pengajaran keratabahasa dalam pelajaran bahasa asing yang dibincangkan dapat mencelikkan pelajar tentang interaksi simbolik, khususnya bunyi ajukan dalam simbolisasi makna puitis. Dengan ini, suatu bentuk *indeks* komunikasi terjalin (Clark, 1996) lantas melengkapkan kitaran interaktif di antara pengarang, pembaca dan kod linguistik yang dikenali sebagai semiotik persembahan wacana Melayu (Sew, 2009).

Selepas didedahkan ragam ayat yang terkandung di dalam novel ini, pelajar bahasa asing mula menyedari lapisan stilistik dalam plot *Satu Bumi* termasuk unsur keratabahasa sebagai rembesan makna yang melicinkan perjalanan cerita. Bagi meneruskan pelajaran bahasa asing ini, keratabahasa ajukan boleh dijelaskan sebagai ajukan bunyi mekanikal yang diusahakan dengan kod fonemik bahasa manusia. Dengan sedemikian, sebuah dunia yang seiras dengan dunia sebenar tercipta. Sebagai peringatan, manusia hanya mampu memahami dunia rekaan bahasa sebagai rujukan ke atas dunia sebenar dan keratabahasa merupakan satu kaedah binaan dunia rekaan bahasa (lihat Ohori, 2015). Contoh keratabahasa yang seiras dengan perkataan *berkretyot* dan *berkerincing* di dalam Jadual 5 termasuk kekata bunyi ajukan di dalam Jadual 6.

Jadual 6. Contoh-contoh perkataan keratabahasa ajukan

Data	Makna
debak	bunyi spt bunyi orang bertumbuk.
debat	bunyi spt bunyi kena tampar atau barang yg ringan jatuh.
debik	bunyi spt bunyi orang menepuk sesuatu.
debuk	bunyi spt bunyi orang meninju.
debum	bunyi spt bunyi benda besar jatuh.
debung	bunyi spt bunyi gendang (beduk dsb) atau bunyi buah kelapa (durian dll) jatuh.
debup	bunyi spt bunyi barang (besar atau berat) jatuh.
debur	bunyi spt bunyi barang besar jatuh ke air.
debus	bunyi hembusan angin, bunyi spt bunyi burung mengibaskan kepaknya.
debut	bunyi spt bunyi angin keluar dr lubang yg sempit (spt bola kena paku dsb).
decap	bunyi spt bunyi orang mengecap makanan.
decing	bunyi spt bunyi duit sviling dijatuhkan ke batu dll.
decip	bunyi spt bunyi ungags.
decit	decitan bunyi spt bunyi anak burung.
decup	bunyi cup-cup spt bunyi benda kecil yg padat jatuh ke air.
decur	bunyi spt bunyi air memancar.
decut	bunyi spt bunyi anak kecil menghisap botol susu.
dedas	bunyi (spt bunyi) letusan yg kecil-kecil.

Sumber: Kamus Dewan (2007, hlm. 322-324) & Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017)

Pemahaman penggunaan keratabahasa sebagai stilistik kreatif juga dapat diperdalam melalui analisis data keratabahasa konvensional dari Jadual 5 yang dimuatkan ke dalam Jadual 7.

Jadual 7. Keratabahasa sebagai unsur puitika

Keratabahasa yang bersifat konvensional
Semakin cepat Aminah berkayuh, semakin <u>nyaring</u> suara gagak itu memburunya.
Tiba-tiba perasaan cemas yang terantai sejak tadi <u>meledak</u> sebagai kemarahan yang melegak. Suaranya yang <u>garau</u> menerpa pendengaran.
Ada sekujur tubuh kecil sedang <u>nyenyak</u> tidur diselimuti ketenangan.
Ilham masih ternangis tersedu-sedu.
Sumber: Isa Kamari (1998, hlm. 112-114)

Unsur keratabahasa bunyi yang terpilih telah digariskan di dalam Jadual 7. Berdasarkan kelaziman yang timbul daripada fahaman bacaan biasa, perkataan keratabahasa konvensional telah menjadi simbol rujukan semiotik yang sudah menjadi perkataan biasa. Kutipan di bawah menerangkan status simbolik perkataan ini seperti perkataan-perkataan yang lain.

More direct communication is made through the familiar reduplication of *ding-dong*, known through nursery rhyme long before we learn to spell ‘onomatopoeia’... This is a good example of how an attempt to organize phonemically our impression of a non-human sound can create a word which ceases to be notably imitative... The word has in fact reached the normal status of words in being a symbol rather than a representation of its referent (Chapman, 1984, hlm. 158).

Input bagi menarik perhatian pelajar asing semasa mereka menjalani proses pembelajaran ialah perkataan yang digariskan sebenarnya boleh dihilangkan daripada setiap potong ayat tanpa mengubah makna ayat dengan ketara. Proses analisis ini perlu ditunjukkan dengan jelas agar fahaman pelajar bahasa asing tidak terjebak ke dalam kancah *laknat pengetahuan* (Tolman, Sechler, & Smart, 2017). Kancah *laknat pengetahuan* (the curse of knowledge) dijelaskan sebagai situasi yang membabitkan guru melonggokkan maklumat kental secara pukal kepada pelajar yang tidak mampu memperoleh keterangan atau penjelasan dalam pengalaman pembelajaran mereka. Gejala ini membahayakan pendidikan bahasa asing kerana jikalau seseorang pelajar gagal memahami konsep yang sedang dipelajari kemungkinan besar pelajar ini akan menentang proses pembelajaran sendiri.

Jadual 8. Ayat-ayat terpilih tanpa unsur keratabahasa dalam novel *Satu Bumi*

Keratabahasa yang bersifat konvensional
Semakin cepat Aminah berkayuh, semakin suara gagak itu memburunya.
Tiba-tiba perasaan cemas yang terantai sejak tadi bagai kemarahan yang melegak.
Suaranya menerpa pendengaran.
Ada sekujur tubuh kecil sedang tidur diselimuti ketenangan.
Ilham masih ternangis.

Penelitian ayat di dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa tanpa keratabahasa konvensional ayat menjadi literal dari segi makna tetapi kurang bermaya dari segi maksud kerana ketandusan bibit keratabahasa sebagai pencetus rasa budi pembaca (Granrose, 1997; Rowsell, 2013; Sew, 2015b). Adalah penting bagi pengajar untuk menerima hakikat bahawa setiap pembaca berbekalkan keterampilan bahasa dan budaya yang mampu menilai naratif bertulis. Justeru itu, tugas guru bahasa Melayu pada peringkat universiti merangkumi pendedahan keterampilan keratabahasa Melayu di dalam kelas bahasa asing sebagai kecerdasan budaya (Earley, Ang, & Tan, 2006).



Imej 1. Menghayati rima Bahasa Melyu di dalam kelas

Imej 1 menunjukkan bahawa pelajar bahasa asing menghayati penggunaan bunyi suku kata secara bertukar ganti dalam binaan sebaik pantun. Keupayaan pendidikan bahasa asing menimbulkan kesedaran keratabahasa dan permainan rima bunyi secara strategik akan menambahkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Sebagai rujukan silang dalam kaedah pembelajaran keratabahasa Melayu, minda pelajar boleh dirangsang dengan khazanah keratabahasa Jepun daripada laman *Tofugu.com* (Dexter, 2015). Di samping itu, imejan pelajar bahasa asing yang sedang mengingatkan data keratabahasa Jepun dalam klip video *Sharla in Japan* (2014) boleh dikemukakan sebagai suatu imbuhan pedagogi interaktif dalam pembelajaran multimodal. Sebagai nahu visual, gerak-geri Sharla dan Rachel yang sedang meleraikan makna perkataan keratabahasa Jepun seperti *goku-goku*, *goro-goro*, *jiro-jiro*, *kara-kara*, *kira-kira*, *moji-moji*, *paku-paku*, dan sebagainya dalam Imej 2 terbukti dalam pengamatan sebenar dapat mencetuskan situasi pembelajaran keratabahasa Jepun yang seronok.

Seperkara lagi, bahan pelajaran multimodal didapati berkesan untuk menangani penentangan pembelajaran pelajar di sekolah (McLean & Rowsell, 2015). Klip video *YouTube* sebagai alat bantu belajar bahasa Melayu amat berguna dalam warkah blog pelajar bahasa asing (Sew, 2010, 2012). Sememangnya, penyisipan imej digital menjadi daya penggerak pelajar untuk meneruskan proses pengurusan laman blog bahasa Melayu sebagai bahasa asing (Sew, 2017b). Sekiranya dibuat perbandingan dengan laporan guru bahasa Jepun sebagai bahasa asing, penggunaan klip video didapati berkesan dalam peningkatan kecerdasan budaya bagi kebanyakan pelajar bahasa asing (Kitai & Chan, 2015).



Imej 2. Sumber motivasi aneka penataran dalam keseronokan belajar

Semiotik visual dalam Imej 2 penting dalam kelas bahasa asing kerana nahu visual menggarapkan motivasi dramatik kepada pelajar bahasa Melayu agar mereka terus memberikan tumpuan ke atas pembelajaran keratabahasa Melayu. Perbincangan ini menggelarkan motivasi ini sebagai motivasi aneka penataran dalam pembelajaran bahasa asing. Faedah aneka penataran dalam konteks pembelajaran bahasa asing ialah peneguhan skema pembelajaran yang bersifat multimodal secara bertokok-tambah (sila lihat Hiraga & Ross, 2013; Stockwell, 2002). Aspek ini berguna bagi melengkapi keupayaan permikiran manusia yang bersifat aneka kecerdasan (Gardner, 1993).

Lebih menarik lagi, topik keratabahasa Jepun yang dipelajari oleh pelajar asing memperluaskan ufuk pandangan ke arah penghayatan estetika keratabahasa secara universal. Data keratabahasa Jepun yang diperkongsi dan dibincang oleh Sharla dan Rachel sebagaimana Imej 2 membuka jendela ekolinguistik para pelajar untuk meninjau unsur keratabahasa dalam bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka. Melalui penerapan data pelbagai bahasa, pembelajaran bahasa asing yang jelas dan selesa terbentuk di kelas bahasa asing. Dalam situasi seperti ini, pelajar bahasa asing dapat

menggunakan pengetahuan sendiri untuk membina ilmu baharu (Morris, Blair, & Rothlisberger, 2017). Pada hakikatnya, prinsip tokoh-tambah dalam pembelajaran ini penting kerana kemampuan pelajar mengaitkan sesuatu topik baharu secara bersinambungan antara bahasa ibunda dengan bahasa asing dapat mengurangkan risiko penentangan pembelajaran.

Selepas pendedahan keratabahasa Jepun sebagai penataran rujuk silang dalam pengajaran keratabahasa Melayu, pelajar bahasa asing yang kesemuanya berbangsa Cina dipelawa untuk memikirkan contoh kekata keratabahasa dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Kegiatan ini dapat mengukuhkan konsep keratabahasa sebagai indeks kecerdasan budaya yang telah sedia ada dalam kebanyakan komuniti bahasa seperti bahasa Basque, Inggeris, German, Perancis, Sepanyol dan Thai (sila lihat contoh dalam Pharies, 1986). Sebagai cadangan, data Kantonis boleh digunakan sebagai modal pengajaran di dalam kelas termasuk *din din dei* (gila-gila); *fu fu dei* (pahit sedikit); *sau sau dei* (kurus sedikit); *tihm tim dei* (manis-manis); *muhn mun dei* (bosan sedikit) (Matthews & Yip, 2000). Bagi peneguhan pengajaran keratabahasa tambahan, pelajar ditunjukkan klip video *YouTube* sebagaimana Imej 3 di dalam kelas. Klip video ini menerangkan beberapa data Inggeris yang mudah difahami oleh pelajar bahasa asing.



Imej 3. Keratabahasa Inggeris dalam siaran bahasa *YouTube*

Alisha, iaitu perempuan sebagaimana Imej 3, sedang menerangkan makna perkataan keratabahasa Inggeris seperti *beep*, *blurt*, *jingle*, *thump*, dan *splash*. Klip video di atas sesuai digunakan di kelas bahasa Melayu sebagai bahasa asing kerana keterangan penutur Inggeris tersebut ringkas dan padat, justeru itu klip video ini memudahkan pelaksanaan pedagogi aneka penataran dalam batasan masa yang diperuntukkan. Pengajaran bahasa asing yang ingin menyampaikan aneka ufuk pandangan tidak akan terlaksana tanpa bantuan pelbagai bahasa kerana dunia global sememangnya sebuah dunia rencam yang terdiri daripada aneka bahasa. Sememangnya guru bahasa asing harus membuka jendela ilmu seluas-luasnya dengan mengadunkan pandangan multilingual yang kaya ke dalam kelas bahasa asing.

6 Kesimpulan

Menurut Mignolo (2012), globalisasi yang mutlak tidak wujud memandangkan setiap analisis bermula dengan ufuk pandangan yang bertapak di dalam daerah asal. Sebagai pelajaran pendidikan bahasa asing, keratabahasa berpandukan perspektif glokal adalah secocok dengan hala tuju pendidikan globalisasi yang bermula dengan teras pemikiran budaya bahasa sebagai paksi interaksi yang mendasari pergaulan penutur sesuatu komuniti bahasa. Pemahaman pelajar tentang penggunaan bunyi bahasa sebagai teknik persembahan wacana yang berkesan dalam binaan karya kreatif seperti novel *Satu Bumi* menghasilkan ufuk pandangan kemelayuan yang asli. Keratabahasa yang berasal daripada bahasa Jawa menjadi panduan dalam penelitian perkembangan kajian

pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Dari sudut semiotik persembahan wacana, keratabahasa mendasari interaksi simbolik yang menyuratkan rakaman sejadi dalam binaan skema rujukan ikonik secara puitis. Keupayaan mempergunakan dan mengujarkan frasa keratabahasa dalam interaksi sehari-hari berpaling pada fahaman aneka kecerdasan yang bersifat celik budaya.

Pada hakikatnya, penerapan keratabahasa ke dalam kajian stilistik masih belum digunakan dengan berleluasa dalam kurikulum pengajaran bahasa Melayu asing. Analisis pedagogi bahasa asing ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang keratabahasa sebagai teknik lukisan makna dalam novel berdasarkan kepejalan bunyi memang berfaedah bagi pendidikan bahasa Melayu. Bunyi menjadi unsur puitika dan skema rujukan yang dapat menimbulkan kesan realistik lantas melahirkan fahaman evokatif dan memperkayakan perkembangan plot novel. Fahaman tentang keindahan bunyi yang diperolehi melalui pembelajaran antara penataran menyuratkan bahawa pendidikan bahasa asing memerlukan sokongan teknologi media digital. Keberkesanan penggunaan klip video tentang pembelajaran bahasa asing dikemukakan sebagai teknik pengajaran yang berkesan positif. Demi mengurangkan sebarang risiko penentangan pembelajaran dalam pendidikan bahasa asing aneka penataran pada peringkat universiti, penggunaan sumber multimodal yang berdaya perangsang mampu melestarikan kaedah penyampaian keratabahasa. Teknologi media digital yang mendasari keperluan pengajaran aneka penataran serta berteraskan prinsip penglibatan secara bersama-sama diperlukan sebagai kaedah janaan ilmu yang bersempadankan pengetahuan budaya bahasa asal.

Nota

¹ Bagi pengkaji yang berminat dengan ajukan bunyi *kokok* ayam dalam bahasa-bahasa lain, sila rujuk kajian keratabahasa Cina dalam buku Li (2007).

² Contoh ini dikenal pasti dengan bantuan Cheong Lee Peng

³ Contoh ini dikenal pasti dengan bantuan Yuzuru Hamasaki

⁴ Contoh ini dikenal pasti dengan bantuan Saeko Kitai.

Penghargaan

Perbincangan dalam kertas ini bermula sebagai pembentangan di *Simposium Asia Pasifik Pengajaran Bahasa Asia* di dalam *Persidangan CLASIC2016* di Universiti Nasional Singapura (NUS). Kandungan kertas ini menjadi semakin mantap selepas menerima cadangan yang bermanfaat daripada dua orang pewartan dan rakan sekerja di Pusat Pengajian Bahasa NUS.

Rujukan

- Aikhenvald, A. Y. (2015). *The art of grammar: A practice guide*. Oxford: Oxford University Press.
- Aldrin, E. (2017). Assessing names? Effects of name-based stereotypes on teachers' evaluations of pupils' texts. *Names: A Journal of Onomastics* 65(1), 3–14.
- Asmah Haji Omar. (1975). *Essays on Malaysian linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2005). Verbal habits of the Malays: Portrayals by western writers. In Asmah Haji Omar (Ed.), *Malay images* (hlm. 263–278). Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris Press.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bolinger, D., & Sears, D.A. (1981). *Aspects of language*. (3rd ed.). New York: Harcourt Brace.
- Bouissac, P. (1995). Syntactic iconicity and connectionist models of language and cognition. Dlm. M. E. Landsberg (Ed.), *Syntactic iconicity and linguistic freezes: The human dimension* (hlm. 393–417). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Burridge, K. (2004). *Blooming English: Observations on the roots, cultivation and hybrids of English language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Burridge, K. (2005). *Weeds in the garden of words: Further observations on the tangled history of English language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Carter, R. (2004). *Language and creativity: The art of common talk*. London: Routledge.
- Chapman, R. (1984). *The treatment of sounds in language and literature*. London: Basil Blackwell in association with Andre Deutsch.

- Clark, H. H. (1996). *Using language*. New York: Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (1986). *Antologi kajian dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- De Saussure, F. (1983). *Course in general linguistics*. (R. Harris, penterj.). London: Duckworth.
- Dexter, K. (2015). Japanese onomatopoeia: The definitive guide. *Tofugu.com* Retrieved from <https://www.tofugu.com/japanese/japanese-onomatopoeia/>
- Dingemanse, M., Schuerman, W., Reinisch, E., Tufvesson, S., & Mitterer, H. (2016). What sound symbolism can and cannot do: Testing the iconicity of ideophones from five languages. *Language* 92(2), e117–e133.
- Earley, P. C., Ang, S., & Tan, J.-S. (2006). *Developing cultural intelligence at work*. California: Stanford Business Book.
- Firth, J.R. (1970). *The tongue of men and speech*. London: Oxford University Press.
- Gardner, H. (1993). *Frames of mind: The theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Globse - the multilingual online dictionary. (2015). Retrieved from <https://glosbe.com/>
- Granrose, C. S. (1997). Cross-cultural socialization of Asian employees in U.S. organizations. Dlm. C.S. Granrose & S. Oskamp (Eds.), *Cross-cultural work groups* (hlm. 186–211). Thousand Oaks: SAGE.
- Hadijah Rahmat. (2013). In search for canon of Singapore Malay poetry: Reflection on nature, race, religion and love. *Malay Literature* 26(1), 1–17.
- Hiraga, M. K., & Ross, H. (2013). The Basho code: Metaphor and diagram in two haiku about silence. Dlm. L. Ellestrom, O. Fischer & C. Ljungberg (Eds.), *Iconic investigations* (hlm. 25–42). Amsterdam: John Benjamins.
- Ho, L. M. T. (2007). Reading aloud and Charles Dickens's aural iconic prose style. Dlm. E. Tabakowska, C. Ljungberg & O. Fischer (Ed.), *Insistent images* (hlm. 73–89). Amsterdam: John Benjamins.
- Householder, F. W. (1946). On the problem of sound and meaning: An English phonestheme. *Word* 2, 83–84.
- Isa Kamari. (1998). *Satu bumi*. Singapura: Pustaka Melayu Publisher.
- Isa Kamari. (1999). 一片热土. 新加坡: 健龙科技传播贸易公司.
- Isa Kamari. (2008). *One earth* (Sukmawati Sirat, penterj.). Singapura: Ethos Books.
- Jakobson, R., & Waugh, L. R. (1987). *The sound shape of language*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kitai, S., & Chan, W. M. (2015). Learning language and culture through video clips: An action research study. In W. M. Chan, S. K. Bhatt, M. Nagami & I. Walker (Eds.), *Culture and foreign language education: Insights from research and implications for the practice* (hlm. 299–330). Berlin: De Gruyter Mouton.
- Learn Cantonese!* (2013). Retrieved from <http://www.cantonese.sheik.co.uk/>
- Li J. E. (2007). 现代汉语拟声词研究. 上海: 学林出版社.
- Liew, K. K., & Chan, B. (2013). Vestigial pop: Hokkien popular music and the cultural fossilization of subalternity in Singapore. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 28(2), 272–298.
- Malay Oxford Living Dictionaries*. (2017). Retrieved from <https://ms.oxforddictionaries.com/>
- Malcolm, I. G. (2007). *Cultural linguistics and bidialectal education*. Dlm. F. Sharifian & G. B. Palmer (Eds.), *Applied cultural linguistics* (hlm. 53–63). Amsterdam: John Benjamins.
- Matisoff, J. A. (1994). Tone, intonation, sound symbolism in Lahu: Loading the syllable canon. Dlm. L. Hinton, J. Nichols & J. J. Ohala (Eds.), *Sound symbolism* (hlm. 115–129). Cambridge: Cambridge University Press.
- Matthews, S., & Yip, V. (2000). *Basic Cantonese: A grammar and workbook*. London: Routledge.
- Maxwell, C. N. (1933). *An introduction to the elements of the Malay language*. Kuala Lumpur: Kyle Palmer.
- McCune, K. (1985). The internal structure of Indonesian roots, Part 1 and 2. *NUSA: Linguistic studies of Indonesian and other languages in Indonesia Vol. 21/22*.
- McLean, C., & Rowsell, J. (2015). Imagining writing futures: Photography, writing, and technology. *Reading & Writing Quarterly* 31, 102–118.
- Meinard, M.E.M. (2015). Distinguishing onomatopoeias from interjections. *Journal of Pragmatics* 76, 150–168.
- Mignolo, W. D. (2012). *The failures of neoliberalism and the roads to the future*, 4 April, AS7, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Nasional Singapura.
- Morris, T., Blair, R., & Rothlisberger, C. (2017). Seeing the invisible: How cognitive and developmental influences shape student resistance. Dlm. A. O. Tolman & J. Kremling (Eds.), *Why students resist learning?: A practical model for understanding and helping students* (hlm. 146–164). Virginia: Stylus Publishing.
- Muhammad Haji Salleh. (1991). *Yang empunya cerita: The mind of the Malay author*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, & Abd. Hamid Mahmood. (2014). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nomoto, H., & Kitai, S. (2016). *Portable Japanese-Malay-English Dictionary*. Tokyo: Sanshusha.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan: Teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Otori, T. (2015). Rethinking diagrammatic iconicity from an evolutionary perspective. Dlm. M. K. Hiraga, W. J. Herlofsky, K. Shinohara & K. Akita (Eds.), *Iconicity: East meets West* (hlm. 259–274). Amsterdam: John Benjamins.
- Ono, H. (1992). *A practical guide to Japanese-English onomatopoeia and mimesis*. Kanda, Tokyo: Book East.
- Pharies, D. A. (1986). *Structure and analogy in the playful lexicon of Spanish*. Tübingen: Max Niemeyer Verlag.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2017). Retrieved from <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Rhodes, R. (1994). Aural images. Dlm. L. Hinton, J. Nichols, & J. J. Ohala (Eds.), *Sound symbolism* (hlm. 276–292). Cambridge: Cambridge University Press.
- Roslina Abu Bakar. (2013). *Komunikasi dua hala terancang: Satu aplikasi dalam penyampaian cerita rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rowell, J. (2013). Working with multimodality: Rethinking literacy in a digital age. London: Routledge.
- Sapir, E. (1929). A study of phonetic symbolism. *Journal of Experimental Psychology* 12(3), 225–239.
- Sharla in Japan (2014). *Japanese Onomatopoeia! 日本語のオノマトペすごい!* Retrieved from https://www.youtube.com/watch?v=OEw81Jgdn_A
- Sew, J. W. (1996). Symbolisation in Malay: Evidence in genres and lexicon. *Proceedings of 4th International Pan-Asiatic Symposium of Language and Linguistics Vol I* (hlm. 114–129). Salaya: Mahidol University Press. Retrieved from <http://sealang.net/sala/archives/pdf4/sew1996symbolisation.pdf>
- Sew, J. W. (1997). Warna panas dan warna sejuk dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 41(4), 299–306.
- Sew, J. W. (1998). Nama sendiri dan rima dalam semiotik komunikasi verbal: Satu tinjauan pelopor. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(9), 847–852.
- Sew, J. W. (2001). Keratabahasa [i] dalam bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 1(11), 37–42.
- Sew, J. W. (2007). Globalization and a shifting Malay. *California Linguistic Notes*, XXXII, 1–13. Retrieved from http://english.fullerton.edu/publications/clnArchives/pdf/sew_j.pdf
- Sew, J. W. (2009). *Semiotik persembahan wacana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sew, J. W. (2010). *Persembahan@Media.com*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sew, J. W. (2012). Learning Malay online at tertiary level. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(1), 147–162. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/3268/1/pp_147_162.pdf
- Sew, J. W. (2015a). Cultural literacy in Chinese and Malay. *WORD* 61(2), 165–177. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/00437956.2015.1033175>
- Sew, J. W. (2015b). Aspects of cultural intelligence in idiomatic Asian cultural scripts. *WORD* 61(1), 12–24. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/full/10.1080/00437956.2015.1006854>
- Sew, J. W. (2016). *Singapore Hokkien: The return of the repressed*. NUS-INALCO International Symposium on Common Languages in Asia. National University of Singapore.
- Sew, J. W. (2017a). *Malay mimetics in Asian onomatopoeia: Towards observational adequacy*. Symposium on Common Languages in Southeast Asia, INALCO, Paris.
- Sew, J. W. (2017b). *From face to screen: Interactive multimodal semiotics at work*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak Press.
- Short, M. (1996). *Exploring the language of poems, plays and prose*. London: Longman.
- Stockwell, P. (2002). *Cognitive poetics: An introduction*. London: Routledge.
- Tannen, D. (1989). *Talking voices: Repetition, dialogue, and imagery in conversational discourse*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tham, S. C. (1977). *Language and cognition – An analysis of the thought and culture of the Malays*. Singapore: Chopmen Enterprises.
- Tham, S. C. (1979). Vowel patterning and meaning in Malay pair-words. *South-East Asian Linguistic Studies*, 4, 365–377.
- Tham, S. C. (1990). *A study of the evolution of the Malay language: Social change and cognitive development*. Singapura: Singapore University Press.
- Tolman, A. O., Sechler, A., & Smart, S. (2017). Obstacles, biases, and the urgent need to understand the social cost of resistance. Dlm. A. O. Tolman & J. Kremling (Eds.) *Why students resist learning: A practical model for understanding and helping students* (hlm. 39–60). Virginia: Stylus Publishing.
- Usuki, T., & Akita, K. (2015). What's in a mimetic? On the dynamicity of its iconic stem. Dlm. M. K. Hiraga, W. J. Herlofsky, K. Shinohara & K. Akita (Eds.), *Iconicity: East meets West* (hlm. 109–123). Amsterdam: John Benjamins.

- Wan Akmal Wan Semara (2005). *Unsur puitika dalam puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Waugh, L. R., & Newfield, M. (1995). Iconicity in the lexicon and its relevance for a theory of morphology. Dlm. M. E. Landsberg (Ed.), *Syntactic iconicity and linguistic freezes: The human dimension* (hlm. 189–221). Berlin: Mouton de Gruyter.
- Wennerstrom, A. (2001). *The music of everyday speech: Prosody and discourse analysis*. New York: Oxford University Press.
- Wierzbicka, A. (1991). *Cross-cultural pragmatics: The semantics of human interaction*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Wilkinson, R. J. (1936). Onomatopoeia in Malay. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(3), 72–88.
- Wright, S. (2016). *Language policy and language planning: From nationalism to globalisation*. London: Palgrave MacMillan.
- Zaidi Ismail. (2008). *Kata ganda bahasa Melayu: Tinjauan bentuk berdasarkan data korpus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhou, M. (2012). Language identity as a process and second language learning. Dlm. W. M. Chan, K. N. Chin, S. K. Bhatt & I. Walker (Eds.), *Perspectives on individual characteristics and foreign language education* (hlm. 255–272). Berlin: De Gruyter Mouton.

Summary in English

Effectiveness of Onomatopoeic Approach in Foreign Language Teaching

This paper adds to the literature on non-arbitrary sound meanings as an integral part of Malay language. In contrast to the Saussurean notion of arbitrariness in language, research on iconicity, mimetics, onomatopoeia, and sound symbolism in Malay has remained robust (see the researchers identified below). As an integral part of verbal interaction, Malay language becomes a resourceful medium that is tasked to describe and record events related to sounds, actions and experiences perceivable to the Malay communicators. As such, imitative and recurring structures in Malay are commonplace as observed in the studies conducted by C. N. Maxwell, R. J. Wilkinson, James T. Collins, Tham Seong Chee, among others. Their collective work forms the basis to explore further the role of onomatopoeia in Malay language learning. This paper traced the imitative nature of language exploited as a learning strategy with a brief review. Interestingly, the review included the significance of reading aloud as a way of appreciation for creative works. Arising from the review, we examined the pedagogy of onomatopoeia with a Malay novel written by a Singaporean Malay author. In turn, a Malay lesson incorporating ten onomatopoeic words, identified from three pages of the novel, has been developed to exemplify the unique stylistics of a Malay creative work.

Other onomatopoeic data from Chinese, Japanese and English have been incorporated into this study of Malay onomatopoeia as a pedagogical tool. By doing so in teaching Malay, the lesson has expanded the matrix of mono-lingual conception to a multilingual comprehension. A pedagogy standpoint that the interlanguage learning experience could curb the monotony of learning arising from the point-and-tell technique has been put in place. Furthermore, a video clip showing two learners revisiting the meanings of Japanese onomatopoeia provided a comparative dimension to the ubiquity of Malay language pedagogy. Reconfiguring the learning of Malay onomatopoeia with the Japanese counterparts, the pedagogy has motivated the Malay learners, who were intrigued by onomatopoeia, to correlate sound symbolic examples in Malay with Japanese. The varied mimetic data seemed to be suggesting that the imitative components developed from communicative needs have become a typical phenomenon across languages. We hope that this discussion would continue to impress upon readers that imitative structures, such as onomatopoeia and mimetics, are a versatile locus of comprehension relevant to the learning of a language.